

**PEKELILING PESURUJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.**  
**BILANGAN 5/1956.**

Permohonan Kerana lesen/permit mencari bijih di bawah Undang-undang Galian B.I. 51 tahun 1956.

Adalah difikirkan laitu cara-car membuat peringatan di atas Standard Sheet Pejabat Tanah berkenaan dengan permohonan-permohonan kerana mencari bijih boleh dikatakan semuanya tidak memuaskan pada masa ini dan oleh itu perintah-perintah sebagaimana di bawah ini adalah dikeluarkan:-

- i) Undang-undang Galian ada mempersyaratkan laitu segala permohonan-permohonan kerana lesen/permit mencari bijih hendaklah di alamatkan kepada Pesuruhjaya Tanah dan Galian.
- ii) Setelah sahaja diterima permohonan itu maka Pesuruhjaya Tanah dan Galian akan masuk permohonan itu di dalam buku daftar yang menunjukkan tarikh dan waktu diterima, dan tiap-tiap satu permohonan akan diberi bilangannya.
- iii) Kemudian Pesuruhjaya Tanah dan Galian akan mengedarkan permohonan itu kepada Pemungut Hasil Tanah supaya dicartakan dengan pensil ke dalam Standard Sheet kawasan yang dipohonkan itu. Bilangan permohonan itu beserta dengan bilangan file CLM hendaklah direkodkan ke dalam standard sheet itu apabila sahaja satu permohonan direkodkan demikian itu tidaklah boleh dibenarkan mana-mana tanah di dalam kawasan itu dengan tidak merujuk kepada Pesuruhjaya Tanah dan Galian lebih dahulu atau hingga permohonan itu ditolak atau lesen/permit itu habis tempohnya.
- iv) Manakal permohonan diedarkan kepada Pemungut Hasil Tanah menurut syarat (iii) di atas biasanya Pesuruhjaya Tanah dan Galian minta supaya disahkan samada kawasan itu Tanah Kerajaan ataupun minta ditujukan mana-mana tanah yang telah dibenarkan yang termasuk ke dalam kawasan yang dipohonkan.
- v) Manakal permohonan itu diedarkan balik oleh Pemungut Hasil Tanah dan setelah dirundingkan dengan Inspector of Mines maka Pihak Pesuruhjaya Tanah dan Galian akan menyediakan satu kertas untuk Majlis Mesyuarat Kerajaan.
- vi) Selepas diberi keputusan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Pemungut Hasil Tanah akan menerima salinan surat-surat yang di alamatkan kepada mereka yang berjaya dan tak berjaya (jika ada).

viii) Pesuruhjaya Tanah dan Galian akan mengeluarkan prospecting permit kepada pemohon yang berjaya itu dan satu salinannya akan dihantar kepada Pemungut Hasil Tanah supel kelak akan menghapuskan daripada sheetnya mana-mana permohonan yang tak berjaya dahulunya dicartkan itu dengan meninggalkan tanda-tanda pensil kawasan yang telah diluluskan PP/PL, bilangannya (Bilangan P.P ini akan berbeza daripada bilangan permohonan yang disebutkan dalam (iii) di atas) dan bilangan fail Pemungut Hasil Tanah.

ix) Pemungut-pemungut Hasil Tanah akan diberitahu manakala prospecting permit diserah balik atau dibatalkan kerana habis tempoh dan Pemungut Hasil Tanah bolehlah menghapuskan segala peringatan-peringatan dalam standard sheet itu melainkan jika ia diberitahu iaitu stu permohonan keran M.L telah diangkatkan.

2. Sekiranya peraturan yang ditetapkan di atas ini dilikuti maka tidaklah menjadi kemerbahayaan memberi milik tanah yang di bawah permohonan kerana lombong ataupun yang di bawah prospecting permit/lesen.

t.t.  
(J. McM. Elliott)

PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN  
TERENGGANU.

Bil. (69) dlm. MINES. TR. 20/1947.

Kepada:

Semua C.L.R.,  
Settlement Collector, Terengganu,  
Chif Surveyor, Terengganu,  
Asst. Auditor, Terengganu.

Kuala Terengganu, 24hb. Julai, 1956.